

26/11/1999

Perjuangan BN untuk masa depan

Misiah Taib

KUCHING, Khamis - Perjuangan kerajaan Barisan Nasional (BN) bukan hak golongan tua atau untuk generasi masa kini saja tetapi lebih tertumpu kepada masa depan golongan muda serta kepentingan generasi akan datang.

Sehubungan itu, dakwaan mengatakan BN hanya berjuang untuk golongan tua semata-mata, tanpa memikirkan nasib generasi muda, adalah tidak benar sama sekali.

Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berkata segala bentuk pembangunan yang dibawa kerajaan BN sejak berpuluh tahun lalu, bertujuan menyenangkan kehidupan generasi muda serta generasi akan datang.

Bahkan katanya, ramai pemimpin lama dalam BN sedar bahawa mereka sendiri tidak sempat menikmati faedah sepenuhnya kemerdekaan dan perjuangan untuk pembangunan.

"Namun mereka tetap berjuang dengan sepenuh jiwa dan raga mereka, kerana mereka tahu, perjuangan itu adalah untuk generasi muda serta anak cucu mereka pada masa depan.

"Oleh itu, memang tidak dapat dinafikan bahawa perjuangan BN bukan untuk faedah generasi hari ini saja, tetapi untuk anak cucu kita pada masa depan," katanya pada majlis perasmian Pelabuhan Air Dalam Senari di Sejingkat, kira-kira 25 kilometer dari sini, semalam.

Upacara perasmian pelabuhan berharga RM260 juta milik Lembaga Pelabuhan Kuching (LPK) itu, dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Taib yang juga Pengerusi BN negeri berkata, beliau dan Perdana Menteri sendiri, mungkin tidak sempat melihat kemajuan di negara ini menjelang 2020.

Namun katanya, beliau berkongsi cita-cita dengan Perdana Menteri, mahu melihat Malaysia lebih senang, lebih maju, lebih tenteram dan lebih bahagia menjelang tahun 2020.

"Wawasan 2020 adalah bukti bahawa perjuangan BN lebih tertumpu kepada generasi muda, berbanding generasi tua. Mereka yang mendakwa BN memikirkan nasib golongan tua saja, hanya mahu berlagak sebagai juara kononnya memperjuangkan nasib golongan muda.

"Adalah jelas bahawa dakwaan yang mengatakan kerajaan BN tidak pernah memikirkan nasib generasi muda, cuma propaganda pembangkang semata-mata.

"Kita dalam BN bukan hanya bercakap, tetapi kita bertindak untuk menjamin masa depan generasi muda hari ini agar lebih maju pada masa akan datang," katanya.

Taib berkata, penyertaan ramai anak muda dan pemimpin pelapis dalam parti komponen BN di seluruh negara, menjadi satu lagi bukti BN sentiasa memikirkan nasib generasi akan datang.

"Memang saya akui bahawa banyak pangkat tinggi dalam pemerintahan kita sekarang dipegang oleh golongan tua. Tapi jangan lupa, bilangan anak muda yang menyertai BN menerusi Umno, PBB (Parti Pesaka Bumiputera Bersatu), SUPP (Parti Bersatu Rakyat Sarawak), MCA, MIC dan parti komponen lain, adalah ramai sekali.

"Mereka ini mendapat didikan daripada generasi tua. Kita tidak takut untuk mengangkat anak-anak muda agar menjadi pemimpin pelapis. Kita rancang semua ini dan pada setiap pilihan raya ramai muka baru akan muncul, baik di peringkat Pusat, mahupun negeri," katanya.

Semua ini kata beliau, dilakukan kerana kerajaan BN mahu generasi muda yang bakal mewarisi kepemimpinan negara diasuh dengan sempurna, selain

didedahkan dengan pengalaman yang luas dan pelbagai.

Katanya, memang menjadi tradisi BN untuk mengasuh pemimpin pelapis, agar mereka benar-benar bertanggungjawab, berwibawa, berpengalaman, berkeelayakan dan sayang kepada rakyat serta negara ini.

Semua ini kata Taib, menjadi intipati rahsia kejayaan BN dalam menjaga dan memakmurkan negara selama ini iaitu berlandaskan konsep kepimpinan 'patah tumbuh hilang berganti'.

Sehubungan itu rakyat termasuk di Sarawak perlu terus memberi sokongan padu kepada BN, agar Malaysia kekal berjaya, Sarawak kekal berjaya dan rakyat pula bertambah senang.

(END)